

# Singapura tidak lagi bersendirian: Syed Hamid

Keputusan ICJ bermakna Malaysia juga berhak terhadap kawasan perairan terbabit dan boleh menjalankan aktiviti berbanding dahulu.

**KOTA TINGGI** - Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda mengenai hak kedaulatan Pulau Batu Puteh, Terumbu Karang Tengah dan Terumbu Karang Selatin, Jumaat lepas, menunjukkan Singapura kini tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya di perairan itu sebagaimana yang dilakukannya sebelum ini, kata Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menteri Dalam Negeri itu berkata, keputusan ICJ memberikan Malaysia kedaulatan mutlak terhadap Terumbu Karang Tengah membuktikan

kan negara mempunyai hak terhadap perairan di kawasan itu.

“Keputusan ICJ tersebut bermakna Singapura tidak lagi bersendirian di kawasan perairan tersebut. Malaysia juga berhak terhadap kawasan perairan terbabit. Kini kita boleh menjalankan aktiviti di kawasan tersebut, berbanding dahulu di mana kita tidak boleh langsung (menjalankan aktiviti),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Gerak Gempur Dadah Parlimen Kota Tinggi di sini, semalam.

Katanya, warga Malaysia terutamanya nelayan kini boleh pergi ke Terumbu Karang Tengah kerana ia adalah hak milik negara ini.

Syed Hamid berkata, beliau memahami ada perasaan sedih dengan kehilangan Pulau Batu Puteh, tetapi keputusan ICJ tiga hari lepas itu juga turut mengandungi hikmah ke-

pada Malaysia.

Tambahnya, Singapura ketika mengemukakan kesnya kepada ICJ mahukan kedaulatan dan pemilikan terhadap Pulau Batu Puteh, Terumbu Karang Tengah dan Terumbu Karang Selatin, namun akhirnya hanya mendapat Pulau Batu Puteh manakala Malaysia diberi hak terhadap Terumbu Karang Tengah.

Republik itu sejak dahulu lagi meletakkan kapal peronda angkatan tenteranya di sekitar perairan ketiga-tiga struktur maritim berkenaan dan menghalau mana-mana pihak termasuk nelayan negara ini daripada menghampiri perairan di sekitarnya.

Katanya, nelayan negara ini kini boleh menjadikan Terumbu Karang Tengah, yang terletak berhampiran dengan Pulau Batu Puteh itu sebagai kawasan perlindungan ketika cuaca buruk.

Syed Hamid berkata, pe-

gawai kanan kedua-dua negara kini perlu berbincang dan merangka prosedur dan peraturan berkaitan pelbagai perkara termasuk kawalan keselamatan dan navigasi pelayaran kerana perairan di situ menjadi perairan bersama.

Katanya, Jawatankuasa Teknikal kedua-dua negara yang akan melaksanakan keputusan ICJ, perlu merangka peta pelantar benua dan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) kedua negara di kawasan perairan itu.

“Mana-mana pihak tidak boleh bertindak secara unilateral,” katanya sambil menambah kata bahawa usaha ‘Eyes-In-The-Sky’ (EiS) melibatkan rondaan bersama mengawal Selat Melaka daripada ancaman lanun boleh dijadikan contoh di dalam rangka kerjasama Malaysia dan Singapura di perairan terbabit.

- BERNAMA